

## **TAHAP KESELAMATAN KEDIAMAN PERUMAHAN FLAT DI TAMAN CENDANA: SATU KAJIAN**

**Azita Ali<sup>1</sup>, (Nor Hayatie Abdul Halim<sup>2</sup>, Mohd Safiee Idris<sup>3</sup>,  
Khairunnesa Isa<sup>4</sup>, Muhammad Suhaimi Sulong<sup>5</sup>, Sarebah Warman<sup>6</sup>,  
Ahmad Esa<sup>7</sup>)**

<sup>1,2,3,4,5,6,7</sup> Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

<sup>1</sup>*zita@uthm.edu.my*

<sup>3</sup>*safiee@uthm.edu.my*, <sup>5</sup>*msuhaimi@uthm.edu.my*)

### **ABSTRACT**

Keselamatan di kawasan kediaman merupakan elemen penting dalam menjamin kesejahteraan penduduk. Pemaju perumahan perlu menitikberatkan keselesaan penduduk dari segi kualiti pembinaan bangunan, keselesaan reka bentuk dan persekitaran. Aspek-aspek ini harus diambil kira supaya pembangunan kos rendah akan lebih berkesan dan efisien. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan dalam kalangan penduduk perumahan flat di Taman Cendana. Data kajian yang dikumpul diproses dengan menggunakan program SPSS versi 20.0. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan min telah digunakan untuk menjelaskan profil respons dan menjawab persoalan kajian. Seramai 113 responden yang terdiri daripada penduduk Taman Cendana Pasir Gudang Johor dipilih secara rawak. Data diperolehi daripada soal selidik. Secara keseluruhan berdasarkan analisis skor min tahap keselamatan individu, tahap keselamatan harta benda dan tahap keselamatan struktur bangunan adalah rendah. Menurut hierarki keperluan Maslow, faktor keselamatan amat penting terhadap keselesaan penduduk. Kesimpulannya, tahap keselamatan dalam aspek individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan amatlah penting dalam memastikan keselesaan penduduk di perumahan flat. Diharapkan dengan kajian ini, pihak yang terlibat dapat mengkaji semula reka bentuk perumahan flat dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan kejadian yang riak diingini.

***Kata kunci:*** keselamatan individu, keselamatan harta benda, keselamatan struktur bangunan.

## Pengenalan

Keselamatan di kawasan kediaman merupakan elemen penting dalam menjamin kesejahteraan penduduk. Menurut Abdullah (2011), keselamatan bermaksud sesuatu keadaan yang terpelihara atau terhindar daripada bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan. Manakala dari konteks keselamatan bangunan pula, ia merangkumi rumah yang selamat dari segi reka bentuk, jiran tetangga yang terjamin dan persekitaran dalaman yang teratur. Ia juga mencakupi rumah yang berkemampuan untuk menyediakan peluang bersendirian, bersosialisasi dan privasi serta terletak dalam lingkungan masyarakat dan tidak tersisih agar isi rumah boleh berfungsi dalam institusi masyarakat (Sukimin, 2008). Selain itu, bangunan selamat juga bermaksud pembinaan persekitaran yang melindungi penghuninya secara menyeluruh dari segi fizikal atau psikologi yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kecederaan dan kematian (Yau *et al.*, 2008). Pemaju perumahan juga perlu menitikberatkan keselesaan penduduk dari segi kualiti pembinaan bangunan, keselesaan reka bentuk dan persekitaran. Aspek-aspek ini harus diambil kira supaya pembangunan rumah kos rendah akan lebih berkesan dan efisien (Alias, 2010).

Pada masa kini, terdapat banyak kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Contohnya seperti kes penculikan kanak-kanak. Keratan akhbar Bernama.com bertarikh pada 24 Disember 2011 ada melaporkan bahawa terdapat seorang wanita ditahan reman kerana disyaki suspek dalam kes penculikan dan penderaan dua kanak-kanak yang dilaporkan hilang ketika sedang bermain di kawasan rumah di flat Jalan Padang Tembak, Air Itam. Selain itu, sejak tahun 1970-an kes jenayah keganasan dan harta benda telah menghiasi dada-dada akhbar, media elektronik dan menjadi bualan masyarakat (Mustaffa, 2007). Keselamatan harta benda ini perlu dititikberatkan kerana ia melibatkan kerugian yang banyak. Melalui keratan artikel daripada Tranung Kita Online juga ada menyatakan beberapa aduan atau luahan penduduk di kawasan perumahan flat di mana mereka berdepan dengan kes kecurian yang kerap berlaku di kawasan mereka.

Isu penduduk di perumahan flat yang sering dihadapi adalah dari aspek keselamatan individu, harta benda dan infrastruktur bangunan. Ini adalah selari dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk perumahan di Taman Cendana. Dari aspek keselamatan individu yang berkait rapat dengan keselamatan kanak-kanak di mana kanak-kanak berhadapan dengan beberapa situasi contohnya kes penculikan dan kemalangan jalan raya. Selain itu, penduduk mengalami kecurian pakaian, duit, kereta, dan motosikal yang dilakukan oleh penduduk di kawasan itu sendiri yang berdepan dengan masalah kemiskinan dan juga golongan muda yang tidak bermoral. Dari aspek keselamatan struktur bangunan pula adalah di mana penduduk terpaksa berdepan dengan masalah keretakan pada bangunan.

## 2.0 Perumahan Flat

Sesebuah rumah boleh ditakrifkan sebagai pembangunan fizikal yang memberi tempat berlindung atau tempat berteduh bagi penggunaanya (Mokhtar, 2008). Ini kerana rumah merupakan salah satu keperluan asas manusia selain daripada makanan. Ini turut disokong oleh dengan Lawrence (2004) yang menyatakan persekitaran yang terbina pada hari ini tidak hanya berfungsi sebagai tempat tinggal, tetapi juga merupakan keperluan asas manusia. Perumahan flat atau blok bangunan flat juga dikenali sebagai rumah bertingkat atau juga dipanggil sebagai perumahan kos rendah. Ini selari dengan Sardjono (2007) yang menjelaskan bahawa rumah bertingkat merupakan rumah yang dibina pada suatu tanah tertentu dengan bilik yang berlapis secara menegak. Secara kasar boleh dikatakan atau ditafsirkan dengan menumpukan rumah di atas rumah yang lain.

Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) diwujudkan bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang sempurna kepada golongan berpendapatan rendah di luar bandar dan pinggir bandar di samping kemudahan-kemudahan asas dan sosial (Che Ibrahim, 2005). Ini juga selari dengan Ramli *et. al.*, (2013) yang menyatakan bahawa kerajaan Malaysia telah merancang pelbagai Rancangan Malaysia untuk memberikan perumahan kos rendah yang berkualiti, mencukupi dan mampu milik untuk keperluan perumahan negara. Ini menunjukkan bahawa perumahan kos rendah seperti perumahan flat adalah untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah yang mampu milik dan berkualiti.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu cabaran yang berkaitan perumahan perlu ditangani dengan berkesan. Menurut Dasar Pembangunan Negara (2012), antara isu-isu utama yang dikenal pasti ialah:

- i. Kualiti rumah yang dibina
- ii. Projek perumahan terbengkalai
- iii. Kemampuan serta aksesibiliti rakyat untuk membeli atau menyewa rumah yang disediakan.
- iv. Permintaan yang melebihi penawaran bagi rumah kos rendah dan kos sederhana.
- v. Pembangunan Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM) di lokasi yang tidak strategik
- vi. Isu pengagihan Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM)


Bagi menangani isu-isu perumahan ini secara menyeluruh, Dasar Pembangunan Negara (DRN) dapat dijadikan sebagai asas bagi memandu, mengurus dan menyelaras perancangan dan pembangunan sector perumahan agar lebih efisien dan sistematik. DRN digubal dengan tujuan untuk memastikan sektor perumahan dapat mengatasi cabaran-cabaran yang sedang dan akan dihadapi, serta terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara pada masa akan datang.

Kualiti perumahan menurut Bujang (2010) merangkumi aspek fizikal dan bukan fizikal. Aspek fizikal mencakupi lokasi, reka bentuk rumah, jenis rumah dan keselesaan penduduk. Manakala bagi aspek bukan fizikal pula seperti

sosioekonomi, penduduk setempat dan kadar jenayah. Ini juga selaras dengan Toscano dan Esperanza (2008) yang menyatakan bahawa perumahan sempurna akan memberi kesan positif manakala perumahan yang tidak sempurna akan memberi kesan yang negatif kepada kehidupan, kerana perumahan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup secara keseluruhannya seperti dalam kajian Zainudin (2010) yang membincangkan tentang keberkesanan program Bandar Selamat kepada penduduk dalam meningkatkan tahap keselamatan penduduk. Ini juga bertepatan dengan kajian Sidek (2011) yang turut mengkaji tentang pelaksanaan program Bandar selamat yang juga untuk mengatasi peningkatan kadar jenayah di kawasan perumahan.

### 3.0 Keselamatan

Keselamatan bermaksud sesuatu keadaan yang terpelihara atau terhindar daripada bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan (Abdullah, 2011).



Rajah .1: Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954)

Rajah 1 di atas menunjukkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dalam Abu Bakar (2002), mengelaskan keperluan asas manusia kepada lima keperluan mengikut hierarki. Keperluan tersebut ialah keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan sendiri dan keperluan kesempurnaan sendiri. Kepentingan aspek keselamatan ini juga sebenarnya telah diberi penekanan sebelumnya oleh Maslow (1954) yang telah meletakkannya sebagai ukuran kedua selepas keperluan fisiologi sebagai syarat untuk mencapai kualiti hidup yang baik. Ia termasuklah keselamatan dari segi fizikal, emosi dan dan jaminan kewangan. Dari sudut keselamatan perumahan flat pula, keadaan hidup sepatutnya selamat dengan struktur rumah yang baik dan sesuai. Selain itu, kebanyakan penduduk lebih menyukai persekitaran kediaman yang terancang dan teratur di mana mereka akan merasa selamat untuk hidup dalam komuniti perumahan tersebut. Ia bermakna satu persekitaran yang selamat perlu bebas dari ancaman jenayah dan risiko pengusiran.

### 3.10 Keselamatan Individu

Keselamatan individu di perumahan flat adalah merangkumi keselamatan ahli keluarga dan fokus utama adalah kepada keselamatan anak-anak. Dalam kajian Md Sakip (2013) yang menegaskan bahawa penduduk yang sudah berkahwin mempunyai ketakutan yang lebih tinggi daripada jenayah kerana mereka lebih prihatin tentang keselamatan keluarga dan anak-anak mereka. Ini kerana terdapat banyak kes jenayah yang berlaku di kawasan perumahan flat dan salah satunya adalah kes penculikan kanak-kanak. Menurut Renauer (2007) mengatakan bahawa perasaan takut terhadap jenayah telah menjadi satu masalah sosial yang serius yang membawa kepada pemahaman saintifik dan reaksi sosial. Berdasarkan kepada Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dalam kajian Macintyre *et al.*, (2002) menghasilkan lima ciri-ciri untuk kawasan perumahan seperti jadual 2.2 yang ditunjukkan :

**Jadual 2:** Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dalam kajian Macintyre *et al.*, (2002)

Bil	Ciri-ciri kawasan perumahan	Contoh
1	Ciri-ciri fizikal persekitaran yang dikongsi oleh semua penduduk.	Kualiti udara dan air minum dan landskap dan suhu luar.
2	Kewujudan daripada persekitaran yang sihat sama ada di rumah, di tempat kerja dan tempat permainan.	Peruntukan perumahan yang baik dan tempat permainan kanak-kanak yang selamat
3	Perkhidmatan disediakan kepada orang awam atau secara peribadi untuk membantu orang dalam kehidupan seharian.	Satu perkara baik yang dikekalkan kepada persekitaran luar, pembersihan jalan, lampu yang mencukupi dan perkhidmatan kesihatan.
4	Kejiranan sebagai salah satu ciri sosiobudaya	Termasuk sejarah kejiranan.
5	Reputasi kawasan yang boleh mempengaruhi keyakinan penduduk dan kesan kepada sesiapa yang berpindah masuk dan berpindah keluar dari perumahan	-

Ciri kedua Macintyre *et al.*, (2002) di atas ada menyatakan tentang ciri mewujudkan persekitaran yang sihat sama ada di rumah, di tempat kerja dan tempat permainan dan penekanan diberikan kepada keselamatan kanak-kanak di tempat permainan. Ini menunjukkan bahawa keselamatan anak-anak perlu dipandang serius kerana ia melibatkan nyawa dan maruah.

### 3.20 Keselamatan Harta Benda

Dalam kajian Zainuddin (2010) membincangkan tentang isu keselamatan yang sering berlaku kepada penduduk di perumahan flat. Aspek keselamatan ini memfokuskan kepada keselamatan diri dan harta benda penduduk di kawasan perumahan di mana peningkatan isu jenayah yang berleluasa. Oleh itu, daripada kajian beliau, terdapat beberapa langkah-langkah keselamatan yang telah dibuat iaitu:

1. Pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor
2. Penyediaan *Bollard*
3. Mengawal tanaman landskap di laluan pejalan kaki
4. Pondok Polis
5. Mengemaskan kawasan semak dan terlindung
6. Tempat letak motosikal berkunci
7. Pemasangan lampu di kaki lima premis perniagaan
8. Tidak membenarkan perniagaan dan meletak kenderaan di kaki lima dan laluan pejalan kaki
9. Menjanakan aktiviti perniagaan
10. Perkhidmatan pengawal keselamatan swasta
11. Pendidikan
12. Pemasangan lampu di lorong tepi, depan dan belakang rumah
13. Menyediakan risalah jenayah komuniti
14. Meningkatkan rondaan kawasan perumahan

Walaupun bagaimanapun, Kamalruddin (2006) mendedahkan bahawa kebanyakan kes jenayah yang melibatkan harta benda masih mengalami peningkatan kadar walaupun setelah Program Bandar Selamat telah dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa kadar jenayah harta benda masih menular dan meningkat walaupun langkah-langkah keselamatan dibuat. Ini juga dapat dibuktikan dalam jadual 2.2 yang menunjukkan jenayah harta benda yang dibahagikan kepada empat jenis iaitu pecah rumah dan curi, kecurian kenderaan, ragut dan lain-lain kecurian. Kecurian kenderaan merupakan jenayah harta benda tertinggi dilaporkan. Ianya semakin meningkat iaitu dari 53,069 kes pada tahun 1999 kepada 65,076 kes pada tahun 2004 dan jenis kenderaan yang sering dicuri ialah skuter. Jenayah pecah rumah dan curi didapati semakin menurun daripada 35,936 kes pada tahun 1999 kepada 24,904 kes iaitu dengan penurunan sebanyak 31 peratus. (Rujuk jadual 2.3)

**Jadual 3:** Jenayah harta benda yang dilaporkan kepada polis mengikut jenis, Malaysia, 1999 – 2004 (Polis Diraja Malaysia, 2005)

Jenis Jenayah	1999	2000	2001	2002	2003	2004
<b>Jumlah</b>	147,958	145,569	136,079	128,199	133,525	134,596
<b>Pecah rumah dan curi</b>	35,936	32,913	28,452	25,265	25,789	24,904
<b>Siang hari</b>	9,401	8,675	7,449	6,821	6,928	6,550
<b>Malam hari</b>	26,535	24,238	21,003	18,444	18,861	18,354
<b>Kecurian kenderaan</b>	53,069	57,775	60,049	74,891	64,300	65,076
<b>Lori/Van</b>	3,485	3,698	4,306	4,570	5,551	4,892
<b>Kereta</b>	6,196	7,278	8,520	8,544	8,537	8,624
<b>Motosikal/skuter</b>	41,905	45,903	47,723	47,137	50,212	51,620
<b>Basikal</b>	1,483	896	-	14,640	-	-
<b>Ragut</b>	-	-	14,368	-	15,798	11,536
<b>Lain-lain kecurian</b>	58,953	54,881	33,210	28,043	27,638	33,080

### 3.30 Keselamatan Struktur Bangunan

Keselamatan struktur bangunan ini bermaksud perlindungan kepada penghuni daripada sebarang ancaman kemalangan ketika berada di dalam sesebuah bangunan. Ini juga selari dengan kajian Yau *et al.*, (2008) yang menyatakan bahawa bangunan selamat juga bermaksud pembinaan persekitaran yang melindungi penghuninya secara menyeluruh dari segi fizikal atau psikologi yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kecederaan dan kematian. Oleh itu, tujuan prestasi bangunan penilaian adalah untuk mengukur kualiti perumahan menggunakan petunjuk prestasi yang perlu dipertimbangkan dalam meningkatkan kualiti alam bina (Ho *et. al.*, 2010).

Dalam kajian Zakaria (2010), terdapat beberapa peraturan, akta dan amalan piawaian tempatan atau antarabangsa berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan bangunan telah diwujudkan. Di bawah ini disenaraikan beberapa peraturan dan piawaian yang berkaitan keselamatan dan kesihatan dalam bangunan:

- a) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- b) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)
- c) Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)
- d) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan Peraturan Elektrik 1994
- e) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (1984)
- f) Kod Amalan Kualiti Udara Dalam Malaysia (2005)
- g) ASHRAE Standard 62 : Standard for Natural and Mechanical (1973)
- h) ASHRAE Standard 62 : Standard for Acceptable Indoor Air Quality (1989)
- i) ASHRAE Standard 55: Thermal Environmental Condition for human Occupancy (1992)

Berdasarkan kepada akta-akta yang telah dinyatakan di atas, maka beberapa langkah penambahbaikan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan dalam penyelenggaraan bangunan boleh dinyatakan seperti di bawah:

- a) Mengutamakan penyelenggaraan bangunan berkaitan keselamatan dan kesihatan daripada penyelenggaraan berbentuk kosmetik.
- b) Merancang penyelenggaraan komprehensif jangka masa panjang iaitu lima tahun atau lebih bagi memudahkan penyediaan bajet, tenaga kerja, alat ganti dan sebagainya.
- c) Mewujudkan kerjasama kepakaran antara sektor kerajaan (seperti JKR) dan sektor swasta (seperti konsultan) bagi menyediakan dan memantapkan dasar penyelenggaraan bangunan yang sistematik dan profesional di Malaysia.
- d) Mewajibkan pemeriksaan bangunan secara komprehensif oleh kerajaan, konsultan atau juruukur bangunan yang kompeten secara berkala setiap tiga atau lima tahun sekali bagi memastikan keadaan bangunan berada dalam keadaan baik dan yang penting menjamin keselamatan penghuni bangunan.

Sehubungan dengan itu, keselamatan struktur bangunan amat penting dalam memastikan keselamatan penduduk selamat dan terhindar dari bahaya.

#### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenal pasti tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu di kalangan penduduk Taman Cendana
- b) Mengenal pasti tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda di kalangan penduduk Taman Cendana
- c) Mengenal pasti tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan di kalangan penduduk Taman Cendana

#### 5.0 Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat untuk mengumpul maklumat. Tinjauan deskriptif merupakan satu kajian yang bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi (Yahaya *et. al.*, 2007). Sampel kajian adalah seramai 113 orang penduduk taman cendana.

#### 5.1 Instrumen kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih untuk membuat borang soal selidik untuk penyelidikan kuantitatif. Dalam kajian Sekarang (2006), kaedah borang soal selidik merupakan kaedah yang efisien sebagai salah satu mekanisme yang digunakan untuk pengumpulan data. Ghafar (2003) menyatakan melalui soal selidik, ketepatan dan kebenaran tindak balas responden terhadap soalan yang diberi dapat ditingkatkan. Dalam kajian yang dijalankan, set borang soal selidik mengandungi 8 bahagian utama iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D, bahagian E. (Jadual 5.1)

**Jadual 4:** Pembahagian Item Soal Selidik

Bahagian	Kandungan	Bil Item
A	Demografi	6
B	Tahap keselamatan Individu	9
C	Tahap keselamatan Harta benda	14
D	Tahap keselamatan Struktur Bangunan	8
<b>Jumlah</b>		<b>37</b>

#### 5.2 Analisis dapatan kajian

*Analisis data Persoalan 1: Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dalam kalangan pekerja industri?*

Dalam bahagian B soal selidik yang telah dikemukakan kepada responden, terdapat 9 item yang berkaitan dengan aspek keselamatan individu. Analisis menunjukkan skor min tertinggi diperoleh daripada item soalan 3 yang menunjukkan skor min 3.73. Daripada analisis ini, dapat dirumuskan bahawa



min bagi item soalan 3 ini berada pada tahap yang tinggi berbanding dengan item-item lain. Ini menunjukkan bahawa penduduk di Taman Cendana ini menitik beratkan keselamatan anak-anak mereka. Analisis ini juga menunjukkan bahawa skor min yang terendah adalah pada item 7 yang menunjukkan skor min 1.73. Ini menunjukkan bahawa kejadian samun jarang berlaku di taman perumahan ini.

**Jadual 5: Dapatan Kajian Aspek Keselamatan Individu**

Bil	Pecahan Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
<b>BAHAGIAN B : KESELAMATAN INDIVIDU</b>				
1.	Kes penculikan kerap berlaku.	2.04	0.91	Rendah
2.	Saya perlu membantu memantau pergerakan anak-anak jiran tetangga.	3.46	1.28	Tinggi
	Saya pernah memantau pergerakan anak-anak saya.	2.76	1.18	Tinggi
4.	Kes samun berlaku di kawasan perumahan saya.	2.76	1.18	Rendah
5.	Laluan pejalan kaki di perumahan saya tidak mempunyai lampu.	2.66	1.14	Rendah
6.	Lampu di laluan pejalan kaki kerap rosak.	2.50	1.07	Rendah
7.	Saya pernah disamun di lorong pejalan kaki	1.73	0.85	Rendah
8.	Saya berasa takut apabila melalui lorong pejalan kaki pada waktu malam.	2.91	1.30	Rendah
9.	Saya pernah melihat kanak-kanak jatuh di kawasan perumahan saya.	2.36	1.24	Rendah
10.	<b>Purata jumlah keseluruhan</b>	<b>2.68</b>	<b>1.16</b>	<b>Rendah</b>

*Analisis data Persoalan 2: Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dalam kalangan pekerja industri?*

Terdapat 14 item yang berkaitan dengan aspek keselamatan harta benda. Secara keseluruhan analisis menunjukkan skor min adalah rendah, namun item tertinggi diperolehi daripada item soalan 12 yang menunjukkan skor min 2.94. Ini menunjukkan bahawa kecurian kenderaan kerap berlaku di kawasan perumahan flat ini. Analisis ini juga menunjukkan bahawa skor min yang terendah adalah pada item 22 yang menunjukkan skor min 1.73. Ini jelas menunjukkan bahawa kejadian tingkap kereta dipecahkan jarang berlaku. Bagi item 16 dan 17, responden bersetuju tempat meletakkan kenderaan mereka adalah tidak selamat.

**Jadual 6: Dapatan Kajian dalam Aspek Keselamatan Harta Benda**

Bil	Pecahan Item	Skor Min	Sisihan Piawai	
<b>BAHAGIAN C : KESELAMATAN HARTA BENDA</b>				
11.	Kecurian pakaian kerap berlaku.	2.58	1.25	Rendah
12.	Kecurian harta benda kerap berlaku (contoh: barang elektrik).	2.71	1.39	Rendah
13.	Kecurian kenderaan kerap berlaku.	2.94	1.33	Rendah
14.	Rumah penduduk sentiasa dicerobohi pencuri	2.50	1.26	Rendah
15.	Tempat letak kereta adalah mencukupi.	1.90	1.14	Rendah
16.	Tempat letak motosikal adalah mencukupi.	2.05	1.09	Rendah
17.	Tempat letak kereta adalah selamat.	2.35	1.15	Rendah
18.	Tempat letak motosikal adalah selamat.	2.30	1.16	Rendah
19.	Kereta saya pernah dirosakkan.	2.88	1.32	Rendah
20.	Motosikal saya pernah dirosakkan.	2.70	1.30	Rendah
21.	Tayar kereta saya pernah dipancitkan.	1.93	1.12	Rendah
22.	Tayar motosikal saya pernah dipancitkan.	1.79	1.07	Rendah
23.	Tingkap kereta saya pernah dipecahkan.	1.73	0.90	Rendah
24.	Cermin sisi motosikal saya pernah dipecahkan.	1.89	1.12	Rendah
	<b>Purata Jumlah keseluruhan</b>	<b>2.30</b>	<b>1.19</b>	<b>Rendah</b>

*Analisis data Persoalan 3: Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri?*

Dalam bahagian D soal selidik yang telah dikemukakan kepada responden, terdapat 8 item yang berkaitan dengan aspek keselamatan struktur bangunan. Analisis menunjukkan skor min tertinggi diperolehi daripada item soalan 30 yang menunjukkan skor min 3.07. Daripada analisis ini, dapat dirumuskan bahawa min bagi item soalan 30 ini berada pada tahap yang tinggi berbanding dengan item-item lain. Ini menunjukkan bahawa penduduk bersetuju tanah di kawasan perumahan ini sentiasa dalam keadaan baik. Analisis ini juga menunjukkan bahawa skor min yang terendah adalah pada item 31 yang menunjukkan skor min 2.24. Ini jelas menunjukkan bahawa penduduk kurang bersetuju hujan lebat menyebabkan kawasan sekeliling banjir.

**Jadual 7: Dapatan Kajian dalam Aspek Keselamatan Struktur Bangunan**

Bil	Pecahan Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
<b>BAHAGIAN D : KESELAMATAN STRUKTUR BANGUNAN</b>				
25.	Terdapat keretakan di blok bangunan saya	2.55	1.34	Rendah
26.	Terdapat kebocoran di siling rumah saya.	2.46	1.31	Rendah
27.	Keadaan lantai di blok bangunan saya retak.	2.34	1.16	Rendah
28.	Saya pernah melihat penduduk lain terjatuh semasa menggunakan tangga di blok ini.	2.31	1.09	Rendah
29.	Keadaan tangga di blok bangunan ini adalah dalam keadaan baik.	2.65	1.19	Rendah
30.	Reka bentuk bangunan mendorong kepada aktiviti	2.49	1.18	Rendah
31.	Tanah di kawasan perumahan dalam keadaan baik	3.07	1.17	Tinggi
32.	Hujan lebat menyebabkan kawasan sekeliling banjir	2.24	1.15	Rendah
	<b>Purata Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2.51</b>	<b>1.20</b>	<b>Rendah</b>

### 5.3 Dapatan dan perbincangan

*Analisis data Persoalan 1: Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dalam kalangan pekerja industri?*

Melalui analisis data yang telah dilakukan, hasil dapatan kajian menunjukkan tahap keselamatan individu dalam kalangan pekerja industri adalah rendah. Tahap keselamatan yang paling tinggi adalah penduduk sentiasa memantau pergerakan anak-anak mereka di kawasan perumahan tersebut. Ini selari dengan kajian Md Sakip (2013) yang menegaskan bahawa penduduk yang sudah berkahwin mempunyai ketakutan yang lebih tinggi kepada jenayah kerana mereka lebih prihatin tentang keselamatan keluarga dan anak-anak mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa keselamatan anak-anak adalah sangat penting. Ini juga dapat dibuktikan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) yang menunjukkan ciri-ciri kawasan perumahan iaitu kewujudan daripada persekitaran yang sihat sama ada di rumah, di tempat kerja dan tempat permainan. Contohnya peruntukan perumahan yang baik dan tempat permainan kanak-kanak yang selamat. Teori ini menekankan kepada keselamatan anak-anak.

*Analisis data Persoalan 2: Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dalam kalangan pekerja industri?*

Berdasarkan analisis skor min yang diperoleh menunjukkan tahap keselamatan harta benda bagi setiap item adalah rendah bagi setiap item. Kecurian kenderaan adalah tahap keselamatan harta benda yang paling tinggi jika dibandingkan dengan item lain. Ini selaras dengan Kamalruddin (2006) yang mendedahkan bahawa kebanyakan kes jenayah melibatkan harta benda masih mengalami

peningkatan kadar walaupun setelah Program Bandar Selamat dilaksanakan. Menurut analisis Polis Diraja Malaysia (2005) membuktikan bahawa jenayah harta benda yang dibahagikan kepada empat jenis iaitu pecah rumah dan curi, kecurian kenderaan, ragut dan lain-lain kecurian dan kecurian kenderaan merupakan jenayah harta benda tertinggi dilaporkan. Oleh itu, keselamatan harta benda perlu dititikberatkan kerana ia melibatkan kerugian yang banyak. Walau bagaimanapun, menurut Zainudin dan Abdul Malek (2010) menjelaskan bahawa masalah keselamatan harta benda ini boleh dikurangkan melalui rukun tetangga, rondaan oleh penduduk sendiri dan aktiviti gotong-royong. Dalam kajian Zainudin dan Abdul Malek (2010) juga membincangkan tentang konsep bandar selamat yang dipercayai dapat mencegah perilaku jenayah dan sekali gus dapat meningkatkan tahap keselamatan penduduk.

*Analisis data Persoalan 3: Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri?*

Melalui analisis data yang telah dilakukan, hasil dapatan kajian menunjukkan tahap keselamatan dalam aspek struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri adalah rendah. Tahap keselamatan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan item yang lain adalah tanah di kawasan perumahan adalah dalam keadaan baik. Ini selari dengan kajian Yau *et al.*, (2008) yang menyatakan bahawa bangunan selamat juga bermaksud pembinaan persekitaran yang melindungi penghuninya secara menyeluruh dari segi fizikal atau psikologi yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kecederaan dan kematian. Ini juga selaras dengan kajian Zakaria (2010) yang menjelaskan bahawa terdapat beberapa peraturan, akta dan amalan piawai tempatan atau antarabangsa berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan bangunan telah diwujudkan. Tahap keselamatan dalam aspek struktur bangunan adalah perlu dititikberatkan kerana ini dapat disokong oleh gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang telah meminta Kementerian Tempatan supaya mengkaji semula reka bentuk dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan rumah kediaman terutamanya jenis flat pangsapuri untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku.

## **6.0 Kesimpulan**

Melalui kajian ini, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan ini adalah penting dalam memastikan kesejahteraan penduduk di perumahan flat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu, harta benda dan struktur bangunan adalah rendah. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat permasalahan yang besar terhadap tahap keselamatan pekerja industri di perumahan flat ini. Daripada hasil kajian yang diperoleh, penyelidik mendapati bahawa kajian ini tidak seharusnya berhenti setakat ini sahaja.

## Rujukan

- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, A. A. L. (2011). *Pengurusan Keselamatan Menyeluruh Di Tapak Bina*. *Fakulti Kejuruteraan Awam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Alias, L. J. (2010). *Kepuasan Penghuni Terhadap Kawasan Kejiranan Yang Didiami Di Kawasan Perumahan Kos Rendah 1 Tingkat, Taman Universiti, Skudai, Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Info Pilihan Siri 4. (2005). *Departments of Statistics Malaysia*. Dicapai pada 20 November 2014 dari [http://statistics.gov.my/portal/download\\_Labour/files/BPTMS/PST-Siri4.pdf](http://statistics.gov.my/portal/download_Labour/files/BPTMS/PST-Siri4.pdf)
- Kamalruddin, S. (2006). *Pencapaian perlaksanaan program Bandaraya Shah Alam*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Bandar 2006. Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam. Subang Jaya, 4-5 September.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Web Khas Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dicapai pada 5 November 2014 di <http://kklw.bernama.com/news.php?id=464271>.
- Md Sakip, S.R., Abdullah, A., & Mohd Salleh, M. N. (2013). *Fear of Crime in Residential Areas Faculty of Architecture, Planning & Surveying, University Technology Mara Perak, Malaysia*. 3 School of Housing, Building & Planning. University Science of Malaysia, Malaysia.
- Mustafa, S.A.(2007). *Aplikasi Ergonomik Dalam Sistem Kerja Untuk Kesejahteraan Motivasi Pekerja Menggunakan Terminal Paparan Visual*. . *Universiti Sains Malaysia*. Tesis: Master.
- Mustaffa, J. (2007). *Aspek Keselamatan Awam Dalam Pembentukan Bandar Selamat Di Malaysia: Kajian Kes Alor Star, Kedah*. Universiti Sains Malaysia. Tesis Ph.D.
- Rivai, V. (2004). *Manajemen Sumber Daya Manusia Untuk Perusahaan*. Cetakan Pertama. PT. Raja Grafindo. Jakarta
- Sastrohadiwiryo B.S. (2001). *Manajemen Tenaga Kerja Indonesia*. Pendekatan Administratif dan Operasional. Bandung: PT. Bumi Aksara.
- Sekaran, U. (2006). *Research methods for business: A skill building approach*. Wiley.com.
- Sukimin, S. (2008). *Persepsi Terhadap Kualiti Dan Kepuasan Perumahan Dalam Kalangan Pemilik Rumah Kos Rendah Di Kota Kinabalu Sabah Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A.R. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. 1<sup>st</sup> Ed. Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yau, Y., Wing .D.C & Chau. K. W. (2008). *Determinants of the Safety Performance of Private Multi-storey Residential Buildings in Hong Kong*. *Department of Public and Social Administratio*. City University of Hong Kong, Tat Chee Avenue, Kowloon Tong, Kowloon, Hong Kong SAR, People's Republic of China.

- Yusof, M. (2012). *Kepuasan penduduk program perumahan rakyat terhadap kualiti perumahan: kajian kes: projek perumahan rakyat Sri Iskandar, Pasir Pelangi, Johor Baharu dan projek perumahan rakyat desa Mutiara, Tebrau and Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainudin, A. Z. & Abdul Malek, J. (2010). *Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Penduduk Kajian Kes: Bandaraya Shah Alam*. Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia & Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.